

23/08/2002

Bahasa Inggeris tetap diguna (HL)

Kadir Dikoh

BANDAR BARU NILAI, Khamis - Kerajaan tetap melaksanakan penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik mulai tahun depan, tetapi mungkin dengan sedikit pengubahsuaian.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kaedah pelaksanaannya akan dikaji lebih lanjut dengan mengambil kira pandangan beberapa pihak termasuk parti komponen Barisan Nasional (BN) yang mewakili masyarakat Cina.

"Ya, kita tegas akan memulakannya tahun depan, tetapi bagaimana kita mulakan, itu soal lain," kata Perdana Menteri selepas merasmikan upacara pecah tanah Kolej Universiti Islam Malaysia (Kuim) di sini, hari ini.

Ditanya kemungkinan dasar itu diubahsuai dengan hanya melaksanakan penggunaan bahasa Inggeris bagi dua subjek berkenaan pada peringkat sekolah menengah saja seperti desakan pihak tertentu, beliau berkata kerajaan akan membuat kajian lanjut.

Dr Mahathir berkata, parti komponen BN sudah berbincang mengenai isu itu dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan pandangan mereka akan diambil kira dalam membuat keputusan mengenai isu berkaitan.

"Kita dengar apa dia punya pendapat dan kita akan memberi penilaian terhadap pendapat ini sebelum kita membuat keputusan," katanya.

Perdana Menteri juga menegaskan, lima parti politik yang mewakili masyarakat Cina dalam BN tidak meminta supaya dasar penggunaan bahasa Inggeris untuk Sains dan Matematik itu ditarik balik.

Sebaliknya, kata beliau, MCA, Gerakan, Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Maju Sabah (SAPP) dan Parti Liberal Demokratik (LDP) cuma menyuarakan pandangan mengenai cara pelaksanaannya saja.

Dr Mahathir turut memberi amaran, kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang menjadikan dasar pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris sebagai isu perkauman.

"Kalau mainkan isu-isu yang menyebabkan orang gelisah atau mungkin terbabit dengan kegiatan haram, kita akan ambil tindakan.

"Satu perkara yang penting ialah kalau mereka mendakwa bahawa kerajaan berhajat menukar Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) kepada sekolah kebangsaan atau buat dakwaan begitu, sedangkan ada undang-undang yang menghalang kerajaan dan Menteri Pendidikan daripada menukar sekolah Cina kepada sekolah kebangsaan, kita akan ambil tindakan undang-undang," katanya.

Semalam, Abdullah dilaporkan memberi taklimat kepada Dr Mahathir mengenai hasil perbincangannya dengan semua 13 parti komponen BN mengenai isu itu sebelum mesyuarat Kabinet.

Difahamkan, isu berkenaan tidak dibincangkan ketika mesyuarat Kabinet tetapi sumber berkata Dr Mahathir dijangka menemui pemimpin parti komponen bagi membincang lanjut sebelum keputusan muktamad dibuat, tidak lama lagi.

Mesyuarat tertutup pemimpin BN kelmarin yang dipengerusikan oleh Abdullah dikatakan mencapai kata sepakat supaya Sains dan Matematik hanya diajar dalam bahasa Inggeris pada peringkat sekolah menengah, tanpa membabitkan sekolah rendah seperti dicadangkan.

Kelmarin, Gerakan mencadangkan supaya bagi peringkat sekolah rendah, bahasa ibunda masing-masing dikekalkan sebagai bahasa pengantar dan pada masa sama mahu pengajaran Sains dan Matematik diperbaiki.

Parti itu juga mahu terminologi Sains dan Matematik diperkenalkan dalam

bahasa Inggeris bermula dari tahun empat hingga enam dengan teks dwibahasa bagi tahun lima dan enam, dilengkapi petikan Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Jumaat lalu, lima parti politik yang mewakili masyarakat Cina dalam BN sekali lagi gagal mencapai kata sepakat dalam menetapkan pendirian bersama berhubung keputusan kerajaan melaksanakan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mulai tahun depan.

Berikutan itu, malam kelmarin Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik; Pengerusi SUPP, Tan Sri Dr George Chan Hong Nam dan Presiden SAPP, Datuk Yong Teck Lee, turut membincang lanjut mengenai perkara itu pada satu majlis makan malam.

Isu pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris menjadi hangat apabila tiga pertubuhan iaitu Persatuan Guru-guru Sekolah Cina (Jiao Zhong), Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zhong) dan Dewan Perhimpunan Cina Selangor (DPCS) bertekad tidak mahu menerima cadangan pelaksanaan itu.

Penentangan itu dibuat atas alasan ia boleh menghakis budaya masyarakat Cina di samping menjejaskan prestasi akademik serta kecemerlangan pelajar dalam kedua-dua subjek berkenaan.